

01/02/2000

Hari Puisi Nasional lebih baik di Kelantan?

Atondra

SESUAI dengan namanya Gelanggang Seni (GS) di Kota Bharu, Jumaat 14 Januari, 2000 merakamkan awal permulaan membuka gelanggang siri baca puisi abad ke-21 di Malaysia.

Pengarah Kebudayaan Kesenian negeri Kelantan, Ismail Yusuf, dulu sama bertugas di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) di Kuala Lumpur, melaksanakan perasmian Pengucapan Puisi Kota Bharu 2000. Peristiwa baca puisi pertama pada alaf baru. Itu peristiwa yang amat bersejarah.

Bersejarah, kerana acara Pengucapan Puisi di Gelanggang Seni ini, adalah aktiviti pertama seni budaya yang berlangsung dalam abad ke-21 di Malaysia, selepas usai Ramadan 1420.

Segalanya bermula di Kota Bharu (Kelantan), negeri yang disifatkan sebagai 'Lubuk Puisi' yang memang diakui penyairnya begitu ramai sekali. Kota Bharu sudah memulakan aktiviti baca puisi.

Ismail sendiri mengakui ucapannya di Gelanggang Seni itu, juga adalah ucapan sulungnya dalam urusan seni budaya pada abad ke-21. Sedang negeri lain belum memulakan sebarang aktiviti.

Nampaknya Kelantan mencatat sejarah pada awal abad 21 ini. Banyak persatuan penulis termasuk badan induk gabungan iaitu Gapena baru menyusun program. Pelita Terengganu barang kali masih terpinga-pinga selepas dilanda bah hijau. Kemudian, PPS (Selangor) masih menyepi. Yang lain-lain kadang-kadang kita membaca khabarnya di akhbar.

Gabungan Penulis Muda Kelantan (Gema), dan Pena dengan kerjasama Berita Harian Sdn Berhad melangkah dengan berani memasuki abad baru dengan menyalakan obor kegiatannya.

Pena meneruskan tradisi baca puisi bulanan setiap Jumaat (malam Sabtu) setiap awal bulan. Jadual terdekat Jumaat 4 Februari ini, di Rumah Pena, Jalan Lapangan Terbang Lama. Jangan lupa untuk beramai-ramai ke sana. Anda boleh membaca puisi, boleh menyanyi, boleh bercerita atau apa saja. Bawalah teman, suami, isteri mahupun anak-anak. Semuanya berpeluang membaca puisi ataupun membuat sebarang persembahan di sana.

Sekitar tahun 1970-an, seingat saya PPK mendahului persatuan penulis lain menggerakkan ahlinya meningkatkan ilmu. Pemimpin PPK sendiri S Othman Kelantan dan Abdullah Tahir menjadi contoh, mereka melanjutkan pengajian ke Universiti.

Dalam satu pertemuan PPK dengan Dato' Ali Haji Ahmad (Allahyarham) di Gelanggang Seni juga, saya ikut hadir (ketika itu sebagai setiausaha skhbar menteri), PPK mendesak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), supaya mengatur kerjasama dengan pusat pengajian tinggi untuk mengadakan Kursus Penulisan Kreatif.

Tak lama kemudian wujudlah Kursus Kreatif peringkat Persijilan selama setahun. Ramailah penulis berpeluang melanjutkan pelajaran. Kursus itu berlanjutan sehingga sekarang: Azizi Abdullah, Ahmad Razali Yusof, Aripin Said, Wahba, Jahara Alias (sekadar menyebut beberapa nama) mengikutinya.

Menyentuh aktiviti badan penulis dan budaya, Ismail mengharap agar persatuan penulis di Kelantan; Gema, PPK, Pesisir, Puspa dan lain-lain, tidak terlalu ghairah dan berlumba-lumba membuat aktiviti.

"Walaupun semakin banyak kegiatan dibuat, membuktikan kesemarakan seni puisi yang sentiasa mampu menarik perhatian khalayak dan membentuk kelompok, tetapi sebaiknya dapat diselaraskan," kata Ismail, supaya dengan begitu setiap program tidak berlaku tindih-menindih sedangkan matlamatnya sama.

Beliau memberitahu perancangan memantapkan NGO budaya, dirancang melalui blue-print Jabatan Kebudayaan Kesenian yang beliau sedang selenggarakan.

Ismail senang melihat suasana Pengucapan Puisi Kota Bharu 2000 di Gelanggang Seni, walaupun Gema yang mengurus setia, tetapi disertai ahli dari PPK, Puspa, Pesisir, Kumpulan Teater dan dikir barat Kumpulan Sri Payung pimpinan Awang Laksmana (seorang penggiat muda bukan Melayu).

Ismail juga mengharapkan agar setiap kegiatan di Kelantan dapat dipertingkatkan nilai mutunya. Mempunyai dimensi berpanjangan. Terukir rakaman kesinambungan yang dapat dihargai dan dicontohi warisan mendatang.

"Malam ini kita lancarkan Pengucapan Puisi Kota Bharu 2000, adalah kesinambungan program yang lalu," tegasnya. Anda yang terlibat harus menilai kembali sudut penghasilan kreatif anda supaya sejajar dengan situasi semasa dan alaf mendatang.

Beliau meyakinkan karyawan, akan pentingnya menstruktur semula idea secara inovatif, supaya terhasilnya karya menjadi `bahan segar' tidak terhakis zaman. Daripada tanggapan dan penelitian beliau, ditemui banyak puisi tersiar dalam media cetak mingguan membawa isu semasa yang amat relevan.

Dalam penelitian ini, tambahannya terdapat dua segmen puisi yang diciptakan: segmen berstruktur perihal (pola) dan berdimensi alaf.

Kepada penyair muda, beliau mengharap dan mencadangkan agar menjana puisi kreatif yang dapat menginjak pemikiran secara lebih inovatif dan penuh idealisme.

Lahirkan puisi yang segar dan bernafas, supaya hayat puisi itu tidak sekadar bermusim, tetapi hidup berpanjangan mewangi persada sastera tanah air serta menjadi sumber kajian.

Pastinya, puisi "Aku" (Chairil Anwar), "Nyanyi Sunyi" (Amir Hamzah), "Kemakam Bonda" (Usman Awang) dapat dijadikan sebagai contoh teragung. Saya sedikit terpesona melihat seorang penyair muda Kelantan mendeklamasikan puisi "Nyanyi Sunyi" di Gelanggang Seni itu, tanpa sebarang nota.

Walaupun acara Pengucapan Puisi Kota Bharu 2000 ini berlangsung pada hari ketujuh Aidilfitri, dan ada jamuan juadah hari raya pun, serta orang masih berada dalam suasana keghairahan menyambut raya; pada awal majlis, penyelenggara berasa sedikit kecewa atas kehadiran khalayak. Tetapi setengah jam selepas dimulakan khalayak mula bertambah dan suasana menjadi lebih memberangsangkan.

Penyair yang membawa anak-anak isteri patut dipuji. Satu usaha praktis mendekatkan keluarga dengan puisi. Paling tidak, nanti ada antara anak mereka mewarisi bakat orang tuanya.

Baca puisi teratur seorang demi seorang, bergilir-ganti tanpa payah dipaksa. Ada yang baca puisi karya sendiri dalam bahasa Inggeris (miskipun terdapat sebutan Inggerisnya sedikit berbaur loghat Kelantan).

Ada pula yang memang menempah baca puisi 100 peratus loghat Kelantan. Menarik meski saya kurang faham, tetapi buat-buat faham dan kemudian tumpang tepuk tangan.

Cuma ketaranya pada malam itu, penyair wanita Kelantan tak seorang pun yang muncul. Mungkin mereka masih sibuk melayan tamu berkunjung raya di rumah. Atau tidak dapat izin suami (?).

Zanariah Wan Abdul Rahman pun tak nampak (teman rindu Mek) lama tak jumpa. Ada yang bercerita memang Zanariah belum pernah datang sepanjang acara baca puisi anjuran Gema, dengan kerjasama Pena, Berita Harian, PKKK dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Timur (mula masuk gelanggang tahun ini).

Sementara itu, Mustafa Jusoh memberitahu bahawa Zanariah kini sibuk dan sedang aktif tulis skrip drama radio/TV. Buat duit sakan, ya!

Syukur, antara kejayaan kursus penulisan skrip drama TV, yang pernah

saya atur dan jalankan tahun 1980-an di Pantai Irama Bachok, IPTAR dan Morib, yang diikuti oleh Zanariah sebagai peserta dan penyelenggara. Ketika itu beliau Ketua Satu PPK.

Penyair Selangor (Mantan Bendahari Pena), Masih AJK Kemudi, Ahmad Razali Yusuf yang pulang bersama isteri di rumah ibu mentua di Kota Bharu, menempah datang dan memeriahkan baca puisi di Gelanggang Seni. Ahmad Razali baca tigabuah puisi ciptaan sendiri dengan gayanya tersendiri.

Pak Syeikh (Syed) Dr S Othman Kelantan, menangguk pulang ke Kuala Lumpur, apabila terbaca laporan Berita Harian mengenai acara Pengucapan Puisi di Gelanggang Seni.

Dr S Othman memeriahkan majlis, tidak dengan baca puisi. Tetapi sekadar "bekaba". Beliau bercerita perihal pembohong di sebuah negeri antah-berantah. Ke kabanya menarik. Khalayak terhibur. Falsafah kaba tersirat. Harus dinilai sendiri penyair Kelantan. Sutung Umar RS baca puisi juga.

Noorhisham Mustafa hadir, tapi tak baca puisi. Saya sendiri pada mulanya tidak bercadang membaca puisi. Berjanji pada Sutung Umar RS, sejak di Kuala Lumpur lagi tak mahu baca puisi. Menyertai acara di Kota Bharu sekadar ingin berkenal-kenalan dengan penyair muda, seangkatan Leo AWS.

Tetapi, amalan berpengakap "selalu sedia" masih terus terpakai. Saya menyediakan tiga buah puisi penyair yang sudah dijemput berhijrah ke alam barzah. Puisi Akhirnya (Abdullah Tahir), dari antologi Gelombang II (Pesisir 1983), "Selamat Tinggal" (A.S. Amin) Utusan Zaman (31 Januari, 1965) dan "Aku Datang Akhir Disember" (Abdul Aziz HM) yang ditulis di Jogjakarta Disember 1972.

Selesai baca ketiga-tiga puisi itu, semua khalayak ikhlas membaca al-fatihah, khusus kepada ketiga penyair yang sudah mendahului kita. Mungkin kempunan menjadi YB atau SN.

Ternyata memang ramai penyair muda Kelantan kini. Memang ternyata saya tidak banyak kenal. Mustafa Jusof mesra sejak Hari Puisi di Shah Alam (1993) menghadiahkan saya antologi puisi Sempadan Abadi terbit tahun 1999, memuatkan 108 puisi daripadas eramai 47 penyair PPK.

Antara penyair yang saya kenal: Ladin Yusof, Leo AWS (sering berutusan surat, tetapi tidak pernah bersua muka).

"Mana Leo?", saya bertanya Mustafa Jusof. Kata Mustafa, "Leo seperti ayam, rabun apabila malam. Tak boleh keluar malam."

Saya fikir mulanya kerana kaki terikat, tapi rupanya tidak boleh pandu kereta waktu malam. Harus segera cari ubat. Jumpa doktor Homeopathi Di Kota Bharu saja ada empat pusat rawatan Homeopathi.

Puisi Leo AWS dapat perhatian A Samad Ismail. Pak Samad puji tema puisi Leo. Bukan mudah Pak Samad melahirkan pujian. Saya beritahu Leo dengan surat. Leo kirim antologinya pada Pak Samad.

Di Gelanggang Seni, saya juga menerima antologi puisi Nyanyian Kembara diusahakan Gema, diterbitkan oleh DBP (1999), Nyanyian Kembara tidak saja diisi oleh penyair Kelantan, tetapi terbuka kepada penyair Malaysia yang terpilih.

Bagi saya, keghairahan penyair muda Kelantan seperti juga keghairahan penyair muda di Indonesia.

Mereka berusaha menerbitkan sebanyak mungkin antologi puisi secara kelompok dan individu, walaupun terpaksa keluar "rupiah" sendiri untuk membayar biaya cetak.

Dua tahun lalu (1998) antologi Tanah Serendah Sekebun Bunga diselenggarakan Prof Dr Hashim Yaacob, salah seorang profesional dalam bidang pergigian yang membabitkan diri dalam penulisan puisi. Buku itu diterbitkan DBP dan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad di Peringat. Saya yang ikut sama diundang pada waktu itu tidak melepaskan peluang keemasan itu.

Oleh kerana Kelantan lubuk puisi, penyairnya ramai (menurut tulisan

Rosli K Matari, pengantar antologi Sempadan Abadi, dan ahli PPK dikatakan seramai 700 orang. Ya mereka itu bagaimanapun berselerak di seluruh pelusuk tanah air. Ada yang berkelana di Kuala Lumpur seperti Ladin Nuawi, dan ada pula yang bertugas di Sabah dan Sarawak.

Namun, dalam hal itu jika Hari Puisi Nasional ke-15, diadakan di Kota Bharu, saya yakin akan mendapat sambutan.

Melihat hasil kerjasama pada Pengucapan Puisi Kota Bharu, dicadangkan Hari Puisi Nasional ke-15 itu, yang dirancang di Langkawi pada Mei akan datang, dipindahkan ke Kota Bharu. PPK sudah dua kali menjadi tuan rumah Hari Puisi Nasional. Beri peluang PPK menguruskan Hari Puisi ke-15 ini buat ketiga kalinya.

Atau boleh saja diminta Gema menguruskannya, walaupun Gema bukan ahli gabungan Gapena. Kata beberapa ahli jawatankuasa Gema, permintaan untuk bergabung dengan Gapena sudah dibuat, namun sehingga sekarang belum dilayan.

Untuk ke Langkawi berbanding ke Kota Bharu perjalanan agak payah. Kecuali melalui udara dengan MAS.

Ke Kota Bharu, setiap malam hampir ratusan bas ekspres berulang alik Kota Bharu/Rantau Panjang/Pasir Putih/Kuala Lumpur. Ada yang terus dari Rantau Panjang-Shah Alam. Tambang tak sampai RM60. Pergi balik.

Bagi penyair, suasana Kota Bharu, Pantai Cahaya Bulan, Pasar Buluh Kubu, Gua Musang dan bumi Serambi Makjiah ini, lebih kuat fungsinya menjana cita rasa kepenyairan, mengilhamkan puisi dan karya lainnya. Paling sedikit hasilnya boleh menyeberang Sungai Golok.

Bandar Golok kini, bukan lagi lambang tempat maksiat, tetapi sebuah kota taman dan pelancongan. Kalau dulu ke Golok atau ke Selatan Thailand menjadi momokan, jatuh maruah kerana dengan mudah dapat dihubungkan dengan skandal dan seks. Kini segalanya berubah.

Di Kota Bharu tidak ada hotel tiga bintang RM50. Tetapi di Bandar Golok malah ada di bawah RM50. Saya tidak mencadangkan Hari Puisi ke-15, diadakan di hotel besar seperti Perdana, Ansar atau Diamond Puteri. Tetapi cukup selesa diadakan di Kem Kijang, Jalan Pantai Cinta Berahi.

Pilihan di Langkawi mungkin kurang sambutan, hanya dapat diisi oleh penyair Kedah, Perlis, Utara Perak dan Pulau Pinang. Langkawi juga kini lebih bersifat pulau pesta elit bertaraf antarabangsa. Segala biaya ke Langkawi mahal. Keselamatan feri juga kini membimbangkan. Waktu-waktunya harga sekeping roti canai RM5.

Langkawi sudah ada Mahsuri International Exhibiton Centre, ada The City Bayview Hotel, Dataran Lang, Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA), Langkawi International Motor Show (LIMOS), Airpotex Exhibition, World Class I&II Powerboat Race, Le Tour de Langkawi dan beberapa pesta antarabangsa yang tidak setaraf dengan keperluan penyair Malaysia.

Kalau terpaksa diadakan di Langkawi sekalipun, harus diingat yang khalayak puisi teramai dan tenaga kerja sukarejanya yang cukup ialah Kota Bharu. Di Kota Bharu, penyair Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, mudah datang. Lebih lagi Terengganu dan Johor.

Di Langkawi hanya Rejab FI dan Nahmar Jamil (Perlis) mungkin sampai awal dan penyair Zakiah Bahari jadi penyambutnya.

(END)